

PM syor petani bergiat secara profesional

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta petani, penternak serta nelayan menubuhkan syarikat besar yang diurus secara profesional bagi mengeluarkan hasil secukupnya untuk menampung keperluan penduduk sekarang.

Perdana Menteri berkata, syarikat berkenaan yang akan ditadbir oleh pengurus profesional perlu mempunyai segala kemudahan termasuk penyelidikan dan pembangunan (R&D); modal, pemasaran dalam dan luar negara, pembungkusan serta kemam-

puan melabur.

Menurutnya, hanya menerusi langkah itu petani boleh meningkatkan pendapatan mereka kerana zaman sekarang memerlukan pengeluaran dibuat secara besar-besaran.

"Saya berpendapat dalam zaman moden ini segala-galanya mesti dikeluarkan secara besar-besaran. Seorang petani atau sesuatu kelompok petani tidak boleh mengeluarkan hasil untuk keperluan 19 juta penduduk dan untuk eksport," katanya kepada pemberita selepas merasmikan perayaan

Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan 1994, di Stadium Negara di sini, semalam.

Menteri Pertanian, Datuk Seri Sanusi Junid; Menteri Kesihatan, Datuk Lee Kim Sai; Menteri Besar Pahang, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob serta mereka yang terbabit dalam ketiga-tiga sektor pertanian negara itu dari seluruh negara hadir.

Perayaan itu yang bertema-kan 'Peladang, Penternak dan Nelayan Adalah Pengeluar dan Pengguna berlangsung sehingga 10 Ogos ini.

Dr Mahathir berkata, melalui syarikat besar itu petani adalah sebagai pemegang saham manakala pengurusan di-terajui oleh golongan profesio-nal.

"Syarikat ini apabila sudah maju tidak sukar mendapatkan pinjaman. Bank boleh memberi pinjaman dan kera-jaan juga akan lebih percaya," katanya.

Menurutnya, Amerika Sya-rikat pada mulanya mempun-yai 95 peratus penduduk bekerja sebagai petani sedang-

LIHAT MUKA 2

Giat secara profesional

DARI MUKA 1

kan lima peratus lagi bu-kan petani tetapi walau-pun kini keadaan sebalik-nya berlaku, iaitu hanya lima peratus penduduk bekerja sebagai petani mereka mampu menge-luarkan makanan yang cukup untuk keperluan 95 peratus penduduk.

"Oleh itu kita melaku-kan usaha ke arah itu untuk menjadi sebuah masyarakat moden yang tidak mempunyai ramai penduduk sebagai petani, sebaliknya petani mesti mampu membekalkan ke-perluan untuk penduduk yang semakin meningkat,"

katanya.

Ditanya sama ada sya-rikat besar yang hendak ditubuhkan itu perlu di-gabungkan, Dr Mahathir berkata, setiap pekerja da-lam sektor berkenaan boleh menubuhkan bebe-rapa syarikat besar mereka sendiri.

"Nelayan pun boleh me-nubuhkan beberapa sya-rikat besar, begitu juga penternak dan petani," ka-tanya.

Perdana Menteri ber-kata, walaupun pekerja dalam sektor berkenaan boleh menyertai koperasi sebagai alternatif bagi

syarikat yang lebih besar itu, ia mempunyai hala-ngan tertentu termasuk tidak boleh diurus sebagai badan profesional.

"Kalau diadakan syari-kat biasa nanti barulah ia boleh diuruskan sebagai entiti profesional," kata-nya.

Terdahulu, dalam uca-pannya, Dr Mahathir ber-kata, golongan petani, penternak dan nelayan di negara ini perlu mengu-bah cara kerja tradisi dengan menggunakan kaedah-kaedah penter-nakan moden serta per-alatan baru.